

HUBUNGAN DIPLOMATIK TIDAK PUTUS: PM

Oleh Lichong Angkui dan Azmi Akop

P

8.11.28 NOV 1993

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak akan memutuskan hubungan diplomatik dengan Australia hanya semata-mata kerana Perdana Menteri, Paul Keating memburukkan kepemimpinan negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan tidak boleh bertindak terburu-buru memutuskan hubungan diplomatik dengan mana-mana negara tanpa mengambil kira pelbagai aspek berkaitan.

"Kita tidak berbuat sesuatu (memutuskan hubungan diplomatik) dengan mudah. Mesti ada alasan kukuh barulah kita boleh berbuat demikian," katanya menjawab soalan pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani projek kenderaan komersil Malaysia, di sini semalam.

Sambil menegaskan rasa terkilannya terhadap kenyataan Keating, Dr Mahathir berkata beliau ingin menjalin hubungan baik dengan semua negara.

"Mengikut pungutan suara yang dibuat oleh beberapa akhbar di sini, rakyat Malaysia mahu hubungan baik dengan Australia. Saya juga mahu hubungan baik dengan semua orang," katanya.

Ditanya apakah yang patut dilakukan oleh Kea-

ting dan sama ada dia patut meminta maaf, Dr Mahathir berkata: "Bagaimana saya boleh berkata demikian. Terpulang kepadanya (Keating) bagaimana untuk membetulkan keadaan."

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak boleh memberitahu Keating apa yang sepatutnya dilakukan.

Minggu lalu, Keating dilaporkan berkata dia bosan dengan Dr Mahathir kerana tidak menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle dan menyifatkan Dr Mahathir sebagai keras kepala.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak akan menghantar bantahan rasmi kepada Kerajaan Australia berhubung isu kenyataan Keating itu.

Mengenai permintaan pelbagai pihak di Malaysia yang mahukan hubungan perdagangan dengan Australia dikaji semula, beliau berkata: "Itu tanda rakyat tidak senang mengenainya, sebab itulah mereka membuat cadangan itu dan ia adalah hak mereka berbuat demikian."

Perdana Menteri berkata, sebagai negara bebas, semua orang boleh bercajakap dan semua pandangan itu akan diberi perhatian oleh kerajaan.